

**Bahagian A**

[60 markah]

Jawab **semua** soalan

1. (a) Nyatakan akaun yang berkaitan dengan catatan kontra berikut. (2 markah)
- (i) Ambilan.
- (ii) Peruntukan Hutang Ragu

(b) Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Hawa.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2020	5 700
Inventori pada 31 Januari 2020	6 300
Belian	18 000
Angkutan masuk	400
Jualan	39 000

Berapakah untung kasar bagi Perniagaan Hawa? (2 markah)

(c) Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Chong Sdn. Bhd.

	<b>RM</b>
Jualan tunai runcit yang diperuntukkan pada 1 Mac 2020	200
Jualan tunai runcit yang telah dibelanjakan	167

Hitung jumlah pembayaran balik pada 1 April 2020 berdasarkan Sistem Panjar. (2 markah)

(d) Senaraikan **satu** contoh inventori barang niaga bagi setiap perniagaan yang berikut.

Perniagaan	Inventori barang niaga
Kedai Pakaian Mariana	
Kedai Perabot Jati Sarema	

(2 markah)

(e) Nyatakan akaun yang didebitkan dan dikreditkan bagi urus niaga di bawah.

Pemilik telah mengambil tunai sebanyak RM500 untuk didermakan kepada rumah anak yatim.
--

(2 markah)

2. Azim dan Farah adalah pekongsi perniagaan Perkongsian AF yang menjual peralatan sukan di Taman Bandar Baru Kampar, Perak. Mereka membahagikan untung atau rugi secara sama rata. Imbangan Duga Perkongsian AF pada 31 Mac 2020 adalah seperti berikut.

**Perkongsian AF**  
**Imbangan Duga pada 31 Mac 2020**

Butir	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 April 2019:		
Azim		20 000
Farah		20 000
Akaun Semasa pada 1 April 2019:		
Azim		1 725
Farah		1 425
Inventori pada 1 April 2019	6 300	
Kenderaan	35 000	
Belian dan Jualan	44 800	60 314
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	11 424	12 680
Komisen diterima		3 300
Pulangan belian		240
Kadar bayaran	7 250	
Lengkapan kedai	4 760	
Sewa	1 200	
Diskaun	350	
Bank	6 600	
Gaji Azim	2 000	
	<b>119 684</b>	<b>119 684</b>

**Maklumat Tambahan**

- i. Inventori pada 31 Disember 2020 bernilai RM12 630.
- ii. Encik Azim sebagai pengurus dibayar gaji RM4 000 setahun.
- iii. Faedah atas modal 5% setahun.
- iv. Komisen belum diterima berjumlah RM300.
- v. Kenderaan disusut nilai sebanyak 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki** menyediakan :

- (a) Penyata Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2020; (6 markah)  
 (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2020. (4 markah)  
 (c) Akaun Semasa bagi setiap pekongsi (beruangan); (8 markah)  
 (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2020. (7 markah)

3. Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Azman Maju:

	RM
<b>Inventori pada 1 Januari 2020:</b>	
Bahan langsung	10 000
Barang siap	8 500
Alat-alat kecil	1 600
Kerja dalam proses	13 650
<b>Belian:</b>	
Bahan langsung	160 000
Alat-alat kecil	2 300
Upah pekerja langsung	144 000
Upah tak langsung	32 400
Gaji pekerja pejabat	15 000
Gaji pengurus kilang	18 000
Pulangan bahan langsung	1 600
Komisen jurujual	2 800
Angkutan masuk bahan langsung	1 040
Kadar bayaran	13 000
Insurans	3 400
Sewa	20 000
Jualan barang siap	550 000
Loji dan mesin	120 000
Susut nilai terkumpul loji dan mesin	12 000
Bank	14 000
Royalti	1 900
Insurans atas belian bahan langsung	850

**SULIT****3756/2**

Belanja memperbaiki mesin kilang	2 200
Angkutan keluar	1 750
Belanja pejabat	4 000
Belanja-belanja kilang	2 800

**Inventori pada 31 Disember 2020:**

Bahan langsung	9 800
Barang siap	11 000
Alat-alat kecil	900
Kerja dalam proses	11 350

**Maklumat tambahan:**

- (i) Loji dan kilang disusutnilaikan sebanyak 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) Insurans yang masih belum dibayar ialah RM500.
- (iii) Kadar bayaran yang masih belum dijelaskan ialah RM300.
- (iv) Upah langsung belum bayar ialah RM2 000.
- (v) Upah tak langsung belum bayar ialah RM400.
- (vi) Sewa prabayar ialah RM600.
- (vii) Belanja yang berikut dibahagikan antara kilang dan pejabat:

	<b>Kilang</b>	<b>Pejabat</b>
Insurans	80%	20%
Kadar bayaran	90%	10%
Sewa	70%	30%

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. (16 markah)
- (b) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.(9 markah)

**3756/2****[Lihat halaman sebelah  
SULIT**

**Bahagian B**

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

4. (a) Imbangan Duga Kedai Zainuri pada 31 Disember 2020 adalah seperti yang berikut.

**Imbangan Duga pada 31 Disember 2020**

<b>Butir</b>	<b>Debit RM</b>	<b>Kredit RM</b>
Inventori pada 1 Januari 2020	15 890	
Belian dan Jualan	55 000	72 600
Ambilan	360	
Duti atas belian	1 020	
Gaji	5 900	
Komisen		325
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	9 250	6 660
Bank		1 975
Modal pada 1 Januari 2020		17 860
Alatan pejabat	6 420	
Tunai	610	
Insurans	1 200	
Hutang lapuk	250	
Pinjaman		8 000
Sewa	3 600	
Alat tulis	60	
Perabot	7 540	
Faedah atas pinjaman	320	
	<b>107 420</b>	<b>107 420</b>

Inventori pada 31 Disember 2020 dinilai RM13 400 pada harga pasaran dan RM16 190 pada harga kos.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020. (12 markah)
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020. (8 markah)

**SULIT****3756/2**

5. (a) Perniagaan Farish menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut sistem panjar. Wang permulaan RM350 diperuntukkan sebagai dana tunai runcit. Penerimaan wang daripada ketua juruwang dilakukan pada awal bulan berikutnya. Berikut ialah penggunaan wang sepanjang bulan April 2020.

2020		RM
Jun	3 Pen dan pensel	15
	7 Alas meja	20
	17 Bunga meja pejabat	30
	18 Kertas karbon	24
	22 Pembaikan pintu pejabat	55
	24 Sampul surat dan setem	11
	26 Kunci pejabat	31
	27 Kertas dan dakwat	18
	28 Lengkapan pejabat baharu	700
	29 Gaji kerani	800
	30 Pewangi	25

**Sediakan** Buku Tunai Runcit sehingga 30 Jun 2020 dengan menunjukkan lajur Alat Tulis, Belanja Pos dan Belanja Pejabat. (Lampiran 1) (12 markah)

- (b) Urus niaga yang berikut diperolehi daripada rekod perakaunan Kedai Azilan.
- Membeli sebuah computer dan mesin pencetak daripada Arman Enterprise untuk kegunaan perniagaan RM4 300.
  - Menjual sebuah van terpakai bernilai RM18 600 kepada Nazihar secara kredit.
  - Pemilik membawa masuk perabot peribadi bernilai RM2 400 ke dalam perniagaan.
  - Menjual sebuah mesin daftar tunai terpakai bernilai RM500 secara kredit.

**Rekod** urus niaga di atas ke dalam Jurnal. Am. (8 markah)

**3756/2**

[Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

6. (a) Maklumat yang berikut diambil daripada buku-buku Kelab Ping Pong Kampung Tualang.

<b>1 Januari 2020</b>	RM	<b>31 Disember 2020</b>	RM
Yuran belum terima	1 100	Yuran belum terima	400
Yuran belum terperoleh	1 200	Yuran belum terperoleh	900

Yuran yang diterima sepanjang tahun 2020 berjumlah RM64 800.

**Sediakan** Akaun Yuran.

(6 markah)

(b) Perniagaan Pernata Hati telah menerima penyata bank bagi bulan Mac 2020. Yang berikut ialah Buku Tunai dan penyata bank untuk bulan tersebut.

**Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)**

<b>Tarikh 2020</b>	<b>Butir</b>	<b>Jumlah (RM)</b>	<b>Tarikh 2020</b>	<b>Butir</b>	<b>No. Cek</b>	<b>Jumlah (RM)</b>
Mac 1	Ramesh	1 880	Mac 1	Baki b/b		4 060
18	Jualan	40 374	3	Amer Bhd	243112	1 300
23	Hasnuri	5 668	5	Syarikat Kais	243113	5 712
26	Jualan	7 280	6	Perabot Wan	243114	1 920
27	Marena	6 676		Belian	243115	7 130
29	Chai Yoke	5 918	8	Kedai Kumar	243116	5 176
			13	Perniagaan Nia	243117	9 152
			18	Gaji	243118	1 000
			23	Belian	243119	1 776
			31	Baki h/b		30 570
		<b>67 796</b>				<b>67 796</b>

## Penyata Bank

Tarikh 2020	Butir	No. Cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
Mac 1	Baki b/b				250
8	Cek	243113	5 712		(5 462)
9	Dividen			500	(4 962)
12	Cek	243111	1 690		(6 652)
15	Insurans		1 200		(7 852)
17	Caj bank		60		(7 912)
18	Deposit			40 374	32 462
19	Cek	243117	9 152		23 310
21	Cek	243110	2 620		20 690
23	Cek	243115	7 130		13 560
24	Cek	243116	5 176		8 384
26	Buku cek		50		8 334
27	Cek	243119	1 776		6 558
28	Deposit			6 676	13 234
31	Cek	243112	1 120		12 114
	Deposit			5 668	17 782

**Maklumat Tambahan:**

- i. Cek bernombor 243112 yang dikeluarkan kepada Amer Bhd dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam Buku Tunai.
- ii. Cek yang diterima pada 29 Mac dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda “Rujuk kepada Penyuruh Bayar”.

Anda dikehendaki:

- (i) Mengemaskinikan Buku Tunai untuk bulan Mac 2020; (6 markah)
- (ii) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2020. (8 markah)



**Buku Tunai Runcit**

Tarikh 2020	Butir	Penerimaan	Pembayaran	Analisis Bayaran		